KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

LAPORAN HARIAN AHAD, 6 APRIL 2025



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




6/4/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **MALAYSIA DILANTIK AHLI SURUHANJAYA PENDUDUKAN DAN PEMBANGUNAN** | | POSITIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/malaysia-dilantik-ahli-suruhanjaya-pendudukan-dan-pembangunan | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/malaysia-dilantik-ahli-suruhanjaya-kependudukan-dan-pembangunan-2026-3030/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-dipilih-anggotai-suruhanjaya-penduduk-dan-pembangunan-bagi-penggal-20262030-515325 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=2409475 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2409469 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/04/1197694/malaysia-elected-commission-population-and-development-term-2026-2030 | NST.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **PUTRA HEIGHTS FIRE: VICTIM REGISTRATION TO CLOSE AT NOON TOMORROW - AMIRUDIN** | | NEUTRAL |
| | https://thesun.my/malaysia-news/putra-heights-fire-victim-registration-to-close-at-noon-tomorrow-amirudin-AD13896868 | THESUN.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/04/05/putra-heights-fire-victim-registration-closes-at-noon-tomorrow-says-mb/172041 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/05/putra-heights-inferno-victims-urged-to-register-with-welfare-dept-by-tomorrow | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/general/news.php/news.php?id=2409404 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/739259 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=cdD9seQX-mE | YOUTUBE | |

6/4/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/04/1197714/putra-heights-blaze-victims-urged-register-deadline-support-pours | NST.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/general/news.php/news.php?id=2409404 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1204404/509-keluarga-daftar-pps-mangsa-belum-berdaftar-digesa-tampil | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/739258 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php/dunia/am/news.php?id=2409410 | BERNAMA.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **KANAK-KANAK DIHANYUT ARUS DERAS DI PASIR GUDANG TERSELAMAT – POLIS** | | **NEGATIF** |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-dihanyut-arus-deras-di-pasir-gudang-terselamat-polis/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kanak-kanak-10-tahun-hanyut-arus-deras-longkang-diselamatkan-orang-awam | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/739206 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/04/05/kanak-kanak-lelaki-hampir-lemas-dihanyutkan-arus-deras/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-jatuh-longkang-rakam-sebagai-bukti-bukan-untuk-tular-515297 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2409382 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=wAK2Jfq5HIM | YOUTUBE | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Mw9BHDvVj_8 | YOUTUBE | |

6/4/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **POLIS TAHAN LELAKI DISYAKI ROGOL ANAK TIRI** | | **NEGATIF** |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1380601/polis-tahan-lelaki-disyaki-rogol-anak-tiri | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1204250/penganggur-ditahan-rogol-anak-tiri | HMETRO.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/04/05/penganggur-warga-asing-ditahan-rogol-anak-tiri/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2025/04/05/lelaki-disyaki-rogol-anak-tiri-ditahan-polis | UTUSANBORNEO.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/04/1197541/man-held-over-stepdaughters-rape-sabah | NST.COM.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/05/man-arrested-for-allegedly-raping-teen-stepdaughter-in-tawau | THESTAR.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **PENIAGA KEDAI RUNCIT GIGIT ISTERI DIREMAN EMPAT HARI** | | **NEGATIF** |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/peniaga-kedai-runcit-gigit-isteri-direman-empat-hari/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/04/05/gigit-isteri-peniaga-kedai-runcit-direman-empat-hari/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |

# Malaysia dilantik Ahli Suruhanjaya Pendudukan dan Pembangunan

Nasional - Dicipta: 05 April 2025 11:32 PM



***PUTRAJAYA, 5 April***- Malaysia berjaya dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Penduduk dan Pembangunan (CPD) bagi penggal 2026 hingga 2030 pada Mesyuarat Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa Bersatu (ECOSOC) di New York pada 4 April 2025.

Kementerian Luar menerusi kenyataan memaklumkan penggal keanggotaan empat tahun Malaysia akan bermula pada Sesi ke-60 CPD pada 2026 dan berakhir pada Sesi ke-63 CPD pada 2030.

“Pelantikan ini mencerminkan pengiktirafan komuniti antarabangsa terhadap peranan aktif negara dalam mempercepatkan tindakan ke arah pelaksanaan Program Tindakan Persidangan Antarabangsa Mengenai Penduduk dan Pembangunan.

"...Serta komitmen berterusan negara untuk mengukuhkan dasar kependudukan demi kesejahteraan dan kesihatan rakyat Malaysia selaras dengan prinsip keterangkuman, kesaksamaan dan penghormatan ke atas hak asasi manusia.

Selaras dengan Agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030, Malaysia menegaskan komitmennya untuk terus bekerjasama rapat dengan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) dan semua pihak dalam menangani isu berkaitan populasi menerusi perkongsian pengalaman dan program bina upaya.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berperanan penting dalam memastikan penglibatan aktif Malaysia di CPD, khususnya dalam memajukan dasar-dasar berkaitan kesaksamaan gender, perancangan keluarga dan pembangunan sosial.

"CPD adalah organ subsidiari kepada ECOSOC yang dianggotai 47 negara ahli yang dipilih oleh ECOSOC untuk tempoh empat tahun. CPD bertanggungjawab ECOSOC mengenai isu-isu yang berkaitan dengan penduduk dan pembangunan", menurut kenyataan itu.

# Putra Heights fire: Victim registration to close at noon tomorrow - Amirudin

Bernama

*05-04- 2025 06:35 PM*



**SHAH ALAM**: Victims of the gas pipeline fire incident in Putra Heights, Subang Jaya, who have yet to register at the temporary evacuation centre (PPS) are advised to do so before the registration closes completely at noon tomorrow.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said this to enable data verification to be carried out by, among others, the Malaysian Fire and Rescue Department (JBPM), the Social Welfare Department (JKM) and the Petaling Land and District Office.

"As of today, we have identified 509 families who have registered at the PPS with some of them not living there.

"The increase in the number (of affected families) is expected to occur after they return home from Raya because the incident occurred during the second Raya and some of them have returned home since yesterday.

"Therefore, the state government and state disaster management advise anyone who has not registered to do so because we will close registration at noon tomorrow," he said at a press conference at the Selangor State Secretariat Building here today.

He said this was to prevent victims who had just returned from their villages after the Hari Raya Aidilfitri celebration and those who did not reside in PPS from being left behind in receiving the assistance that had been announced previously.

He said it was difficult to obtain actual data and information on the number of houses and victims involved for the purpose of distributing assistance because there were several premises that were used as rental houses, with up to eight doors.

In this regard, he said the government would create another new category for assistance, namely for tenants of RM2,500 in addition to owners of completely damaged houses (RM5,000) and owners of partially affected houses (RM2,500).

Previously, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced immediate assistance of RM5,000 to affected homeowners and RM2,500 to partially damaged homeowners.

At the same time, Amirudin said he had asked the relevant parties to identify the groups of victims who were left out of receiving assistance.

"We will contact them to identify the location and locality of the houses to hand over this contribution. Our contribution delivery is expected to be completed next week and thanks to Petronas, the Department of Social Welfare (JKM) and the Implementation Coordination Unit (ICU) who managed the houses and the assistance," he said.

Meanwhile, Amirudin said that as of yesterday, a total of 130 housing units out of 235 houses in Taman Putra Harmoni that were affected in the incident were confirmed safe and their occupants had been allowed to return to their homes.

"However, for the residents of Kampung Sungai Baru, they still have not been allowed to return because the situation is not safe as reported by the fire department, Tenaga Nasional Berhad (TNB) and related departments.

"Therefore, I would like to remind the residents who have not received permission to return not to do so because there is no guarantee of safety. I will ask that security controls be tightened further," he said.

He said that victims who want to return home to collect important documents need to obtain permission from the commander in the field and they will be accompanied by the fire department or related officers to avoid any unwanted incidents.

"I have received reports that some victims had to seek treatment at the PPS because they complained of feeling unwell after returning.

"After we checked, they have not received permission to return because their homes are located in the Kampung Sungai Baru or Kampung Kuala Sungai Baru areas which do not yet have approval (to return)," he said.

Amirudin said some of the houses in the village were in a fragile condition, making it unsafe for occupancy.

# Kanak-kanak dihanyut arus deras di Pasir Gudang terselamat – Polis

05 April 2025, 4:38pm



**PASIR GUDANG:** Seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun yang dihanyutkan arus deras sejauh 100 meter di Jalan Ciku, Taman Kota Masai, di sini semalam, dilaporkan selamat setelah dibantu orang awam.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Asisten Komisioner Mohd Sohaimi Ishak, mengesahkan kejadian itu yang tular di media sosial, selepas video berdurasi seminit 36 saat memaparkan kanak-kanak berkenaan dihanyutkan arus deras dalam longkang, tersebar di akaun Facebook.

Menurut Mohd Sohaimi, siasatan awal mendapati kejadian berlaku sekitar jam 2.30 petang semalam.

Kanak-kanak itu dikatakan sedang berjalan kaki bersama rakannya setelah selesai menunaikan solat Jumaat, namun tergelincir dan terjatuh ke dalam longkang akibat hujan lebat.

"Kanak-kanak itu dihanyut sejauh 100 meter dari tempat dia terjatuh. Namun, berkat bantuan orang awam yang berada di lokasi, mangsa berjaya diselamatkan dalam keadaan selamat. Mangsa hanya mengalami calar di lutut dan siku," katanya.

Mangsa dilaporkan sedang dalam perjalanan ke rumah bapa saudaranya yang terletak tidak jauh dari tempat kejadian.

Pihak polis menasihati ibu bapa serta peniaga agar sentiasa mengawasi anak-anak mereka terutama ketika musim hujan dan mengelakkan aktiviti di luar rumah yang berisiko.

Sementara itu, seorang penduduk tempatan, Salina Ibrahim, 46, yang ditemui BH berpendapat, longkang di kawasan itu perlu ditutup untuk mencegah kejadian sama berulang.

"Jika longkang tersebut tidak boleh ditutup, pihak berkuasa tempatan (PBT) sekurang-kurangnya perlu memasang pagar penghalang yang sesuai dan meletakkan papan amaran untuk melarang orang ramai berada di kawasan itu.

Walaupun kosnya mungkin agak tinggi, langkah tersebut amat penting demi keselamatan orang ramai," ujarnya.




# Polis tahan lelaki disyaki rogol anak tiri

Oleh Abdul Rahemang Taiming - April 5, 2025 @ 1:09pm
bhnews@bh.com.my




TAWAU: Polis menahan seorang penganggur selepas disyaki merogol anak tirinya berusia 19 tahun dalam kejadian di Jalan Apas, dekat sini, pada Selasa lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Tawau, Superintendan Champin Piuh, berkata perbuatan suspek yang berusia 54 tahun terbongkar selepas mangsa memaklumkan kejadian itu kepada seorang ahli keluarganya yang kemudian tampil membuat laporan polis.

"Bertindak daripada maklumat itu, kita menahan suspek di sebuah ladang dekat Semporan pada jam 4.50 petang sehari selepas kejadian itu untuk siasatan lanjut kes rogol ini.

"Suspek seorang warga asing dan tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah," katanya ketika dihubungi menerusi aplikasi WhatsApp, di sini, hari ini.

Beliau berkata, suspek kini direman tujuh hari bermula 2 April lalu untuk siasatan lanjut masing-masing mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan; Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Kesalahan Seksual terhadap kanak kanak 2017 (Akta 792); Seksyen 506 Kanun Keseksaan dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

# Peniaga kedai runcit gigit isteri direman empat hari

Oleh NOR AINNA HAMZAH 5 April 2025, 3:39 pm

KUALA PILAH: Seorang peniaga kedai runcit direman selama empat hari bermula hari ini atas dakwaan melakukan keganasan rumah tangga ke atas isterinya pada 1 April lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Pilah, Superintenden Muhamad Mustafah Hussin berkata, majistret membenarkan reman suspek iaitu seorang lelaki berusia 32 tahun sehingga 8 April ini.

Menurutnya, suspek berjaya ditangkap di sebuah kedai serbaneka di pekan Kuala Pilah kira-kira pukul 12.45 tengah hari semalam.

"Reman ini adalah bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan / 18(A) Akta Keganasan Rumah Tangga," katanya kepada pemberita hari ini.

Semalam media melaporkan seorang wanita nekas membuat laporan polis apabila dirinya digigit suaminya yang mabuk dalam kejadian di sebuah rumah di Kuala Pilah, awal pagi 1 April lalu.

Mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Low, 30-an berkata, kejadian berkenaan merupakan kejadian ketiga dia menjadi mangsa keganasan rumah tangga di mana kejadian pertama pada tahun 2022 dan tahun lalu. – UTUSAN